

# **BAB SATU**

## BAB I

### DASAR-DASAR UMUM SISTEM KEHAKIMAN ISLAM

#### Pendahuluan

Teori Islam seringkali mengembalikan masalah kepada asalnya dan mengaitkan antara yang parsial dengan yang universal.<sup>1</sup> Prinsip yang bersifat universal biasanya memberi panduan umum di samping melahirkan prinsip yang bersifat parsial untuk masalah yang lebih spesifik. Prinsip-prinsip asas itu tidak mengikat masalah-masalah khusus bahkan ia bersifat anjal bagi memudahkan ummah mencari penyelesaian kepada sebarang masalah. Ia juga tidak menentukan hukum kepada sesuatu perkara tetapi memberi jalan keluar kepada permasalahan yang timbul.

Oleh itu bab ini akan membentangkan prinsip-prinsip umum kehakiman Islam merangkumi 3 prinsip utama iaitu prinsip aqidah, prinsip kebenaran dan prinsip keadilan. Secara dasarnya ketiga-tiga prinsip tersebut merupakan prinsip asas kepada keseluruhan syariat Islam yang syumul. Namun di sini ia akan diuraikan secara spesifik menyentuh topik kehakiman Islam. Seterusnya kaedah-kaedah keterangan secara am dan kaedah-kaedah *fiqh* di dalam sistem kehakiman dan Undang-undang Keterangan Islam dikemukakan dan diberi huraian secara ringkas.

---

<sup>1</sup> Hibah Rauf Izzat (1997), *Penglibatan Wanita Dalam Politik Mengikut Perspektif Islam*. Bahruddin Fannani (terj.), Petaling Jaya: The International Institute of Islamic Thought (IIITM), h. 13.

Fokus kepada topik di atas adalah penting didahulukan di dalam penulisan ini supaya masyarakat memahami arah tujuan syariat Islam atau dalam bahasa *fiqh* disebut ‘*Maqaṣid al-Syari‘at*’. Oleh demikian itu, apa-apa sahaja hukum atau perselisihan pendapat yang lahir di dalam perbahasan seterusnya adalah untuk mencapai tujuan-tujuan murni yang telah digariskan Allah S.W.T dan realitinya dihajati maksud-maksud tadi oleh seluruh ummah manusia tanpa mengira bangsa, budaya dan warna kulit di era globalisasi ini.

## 1. Prinsip-prinsip Umum Kehakiman Islam

### 1.2. Prinsip Aqidah Tauhid

Firman Allah S.W.T;

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya:

*Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia kecuali untuk menyembahKu.*

*Surah al-Dhāriyāt (51): 56*

Melalui firmanNya di atas, Allah S.W.T menjelaskan tujuan manusia dijadikan iaitu tidak lain dan tidak bukan adalah untuk menyembahNya semata-mata. Mengabdikan diri kepadaNya dalam setiap nafas yang dihembuskan, dalam setiap gerak anggota badan, dalam setiap lafaz yang dituturkan dan dalam setiap aspek kehidupan baik ibadah, sosial, ekonomi, politik, kehakiman, ketenteraan dan cara hidup sehari-hari.

Maksudnya melakukan setiap suruhan Allah S.W.T dan meninggalkan setiap laranganNya sama ada dengan rela mahupun terpaksa dalam setiap tindakan, gerak-geri dan tuturkata.

Dalam konteks sistem kehakiman, prinsip tauhid mengajak kita supaya meyakini bahawa Allah S.W.T merupakan hakim yang sebenar, Yang Maha Adil lagi Maha Bijaksana. Dialah yang berhak memutuskan sebarang hukuman dan cara (kaedah). FirmanNya yang berbunyi;

إِنَّا أَنزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ لِتُحَكِّمَ بَيْنَ النَّاسِ إِنَّمَا أَرَادَ اللَّهُ وَلَا تَكُونُ  
لِلْخَاتِمِينَ خَصِيمًا

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami telah turunkan Kitab kepada engkau dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum antara manusia dengan apa yang diperlihatkan Allah kepadamu. Janganlah kamu menjadi pembela kepada orang-orang yang khianat.

*Surah al-Nisā' (4): 105*

FirmanNya lagi:

وَأَئِمْمَةٌ مَا يُوحَى إِلَيْكَ وَاصْبِرْ حَتَّىٰ يَحْكُمَ اللَّهُ وَهُوَ خَيْرُ الْحَاكِمِينَ

Maksudnya:

Ikutlah apa-apa yang diwahyukan kepadamu dan bersabarlah sehingga Allah menghukum antara kamu, dan Dialah sebaik-baik hakim.

*Surah Yūnus (10) : 109*

Firman Allah S.W.T:

أَلَيْسَ اللَّهُ بِأَحْكَمِ الْحَاكِمِينَ

Maksudnya:  
*Bukankah Allah seadil-adil hakim?*

*Surah al-Tin (95) : 8*

Manusia hanya menjalankan amanah kehakiman yang datangnya dari Allah S.W.T. Allah S.W.T telah mengatur bagaimana kehakiman harus dilaksanakan yang terdiri dari prosedur-prosedur pendakwaan, perbicaraan, pembuktian/kaedah keterangan serta syarat-syaratnya. Begitu jualah kelayakan yang diterima untuk menjadi hakim, saksi, jurutulis, pendakwa, peguam dan sebagainya telah diperincikan di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bukan itu sahaja malah jenis-jenis hukuman yang patut dan adil juga telah ditentukan bagi sesetengah kes seperti hudud dan qisas. Adapun kes takzir, walaupun diberi kebebasan kepada hakim membuat pilihan menurut kebijaksanaannya untuk mempertimbangkan dan menentukan jenis hukuman, namun ia mestilah menepati dasar '*Jalb al-Maṣāliḥ wa Dar' al-Muṣā'id*' (mendatangkan kebaikan serta menjauhkan kerosakan) serta tidak menganiaya. Bahkan ia mestilah dapat mencapai maksud hukuman di dalam Islam iaitu untuk mendidik si pelaku serta memberi peringatan kepada orang ramai agar menjauhi perbuatan yang tidak baik.

Dalam perkara hudud dan qisas seringkali ia menimbulkan keraguan kepada mereka yang tidak mendalamai ajaran Islam. Mereka menganggap hukuman Islam itu zalim, ortodok dan sebagainya. Di sinilah pentingnya peranan tauhid tadi mendasari setiap fikiran dan tindakan manusia.

Sekiranya manusia benar-benar beriman dengan Allah S.W.T sebagai Tuhan yang bersifat Maha Adil lagi Bijaksana, sudah tentu tidak timbul persoalan yang meragui kemampuanNya menentukan hukum bagi manusia kerana Allah itu bersifat dengan segala sifat kesempurnaan serta sunyi daripada sifat zalim, lemah, kurang serta mengikut hawa nafsu. Berbeza dengan peraturan yang disusun oleh manusia yang banyak mengikut hawa nafsu dan bersifat tidak sempurna. Oleh sebab itu sekiranya kita perhatikan peraturan manusia sentiasa berubah-ubah tanpa ada dasar yang tetap untuk memimpinnya. Mengkritik ajaran dan dasar-dasar Islam samalah dengan mengkritik kerja-kerja Allah S.W.T yang menurunkan Islam sebagai cara hidup manusia sehingga ia boleh membantalkan iman seseorang itu.

Keimanan kepada Allah S.W.T pula seringkali dirangkai seiring dengan keimanan kepada hari akhirat. Hari akhirat itu bermula bagi seseorang tatkala ia mula berpindah dari alam dunia ke alam barzakh. Firman Allah S.W.T;

وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمٍ يُبَعَّثُونَ

Maksudnya:

*Di belakang mereka ada dinding (Barzakh)<sup>2</sup> sehingga hari kebangkitan (semula)*

*Surah al-Mu'minūn (23): 100*

Kemudian akan ada hari kebangkitan semula, hari perhitungan dan hari pembalasan.

Firman Allah S.W.T;

ثُمَّ إِنَّكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تُبَعَّثُونَ

<sup>2</sup> Barzakh : ialah alam sesudah wafat dan meninggalkan dunia yang fana sehingga hari kebangkitan semula. Lihat H Mahmud Yunus (Prof. Dr) (t.t), *Tafsir Quran Karim*, Jakarta: P.T. Hidakarya Agung, h. 507

**Maksud:**

*Kemudian pada hari kiamat kamu dibangkitkan (kembali)*

*Surah al-Mu'minūn (23): 16*

Firman Allah S.W.T;

أُولَئِكَ لَهُمْ نَصِيبٌ مُّمَّا كَسَبُوا وَاللَّهُ سَرِيعُ الْحِسَابِ

**Maksud:**

*Untuk mereka itu balasan (pahala) dari usaha mereka, dan Allah bersegera menghitungnya*

*Surah al-Baqarah(2): 202*

Firman Allah S.W.T;

وَتَرَى كُلُّ أُمَّةٍ جَاهِنَّمَةً كُلُّ أُمَّةٍ تُدْعَى إِلَى كِتَابِهَا الْيَوْمَ شُجَّزَوْنَ مَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ

**Maksud:**

*Engkau lihat tiap-tiap ummat berlутut (tunduk). Tiap-tiap ummat diseru kepada buku amalannya. (Dikatakan kepada mereka): Pada hari ini kamu dibalas menurut apa-apa yang telah kamu kerjakan.*

*Surah al-Jāthiyah (45): 28*

Setiap perlakuan manusia di dunia akan diadili semula di mahkamah agung di akhirat kelak. Para saksi akan memberikan keterangan dengan tepat dan benar. Mereka terdiri daripada anggota badan kita sendiri. Firman Allah S.W.T;

يَوْمَ يَشَهَّدُ عَلَيْهِمْ أَلْسِنَتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

**Maksud:**

*Pada hari yang menjadi saksi atas mereka (ialah) lidah, tangan dan kaki mereka sendiri terhadap apa yang mereka perbuat.*

*Surah al-Nūr (24): 24*

Keimanan kepada perkara-perkara ghaib sebegini akan mampu membentuk *syakhsiyah* muslim untuk sentiasa menjaga amanah dengan jujur dan benar. Para hakim akan berlaku adil dan tidak akan takut kepada sebarang ugutan atau tekanan daripada mana-mana pihak kerana mereka hanya takut kepada Allah S.W.T. Para pendakwa, peguam, saksi dan lain-lain yang terlibat dalam proses kehakiman akan senantiasa berlaku benar dan memihak kepada yang benar sahaja.

Pada hari pembalasan pula, setiap hak yang pernah dirampas di dunia akan dikembalikan kepada yang berhak walau sebesar zarah sekalipun. Di sinilah wujudnya keistimewaan kehakiman Islam yang terdiri dari konsep pembalasan duniawi dan ukhrawi kerana Allah S.W.T telah mengetahui sejak azali akan berlaku penindasan dan penganiayaan sesama manusia walau atas nama kehakiman sekalipun. Bagaimana manusia yang berakal (tidak kira mereka muslim atau kafir) dapat menafikan keperluan mahkamah akhirat yang akan diadili oleh Hakim Maha Agung apabila mendapati hak-hak mereka telah dirampas walaupun melalui cara undang-undang? Secara fitrahnya akan wujud perasaan tidak puas hati dan mahukan keadilan tertegak antara mereka dan mereka tidak ada cara lain melainkan bertawakkal kepada Allah S.W.T untuk mengadili nasib mereka di akhirat kelak. Oleh demikian itu akan terlaksanalah *maqāṣid al-syari'at* yang utama iaitu menjamin kesejahteraan insan di dunia dan di akhirat.

## 1.2. Prinsip Kebenaran

Firman Allah S.W.T:

يَدْعُوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ خَلِيقَةً فِي الْأَرْضِ فَاحْكُمْ بَيْنَ النَّاسِ بِالْحَقِّ وَلَا تَتَبَعِ  
الْهَوَى فَيُضْلِلَكَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ إِنَّ الَّذِينَ يَضْلِلُونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ لَهُمْ  
عَذَابٌ شَدِيدٌ بِمَا نَسُوا يَوْمَ الْحِسَابِ

Maksud:

*Hai Daud, sesungguhnya Kami menjadikan engkau khalifah di muka bumi, maka hukumlah antara manusia dengan kebenaran dan janganlah engkau memperturuti hawa nafsu, nanti ia akan menyesatkanmu dari jalan Allah. Sesungguhnya orang-orang yang sesat dari jalan Allah, untuk mereka siksa yang keras kerana mereka lupa pada hari perhitungan.*

*Surah Sad (38): 26*

FirmanNya lagi:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤْدُوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ  
أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ يُعِظُّكُمْ بِإِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksud:

*Sesungguhnya Allah menyuruhmu supaya kamu menunaikan amanah kepada pemiliknya dan apabila kamu menghukum sesama manusia, hendaklah kamu hukum dengan adil. Sesungguhnya Allah sebaik-baik pemberi peringatan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*

*Surah al-Nisā' (4): 58*

Adalah menjadi dasar kepada mana-mana sistem kehakiman di dunia ini untuk memutuskan sesuatu perkara mengikut kebenaran serta keadilan. Hakikatnya prinsip kebenaran dan prinsip keadilan saling berkait antara satu dengan yang lain bagai aur dengan tebing, bagai isi dengan kuku kerana apabila seseorang hakim itu memihak kepada yang benar, secara automatik dia berlaku adil. Begitu juga sebaliknya.

Oleh sebab itu walaupun yang melakukan kesalahan itu seorang raja sekalipun, beliau tetap akan dihukum secara adil. Inilah maksud daripada hadis Rasulullah S.A.W yang berbunyi:

وَالَّذِي نَفْسُهُ عَمِدَ بِيَدِهِ، لَوْ أَنْ فَاطِمَةَ بْنَتَ مُحَمَّدٍ سَرَقَتْ لَقْطَعَتْ يَدَهَا

Maksudnya:

*Demi Yang jiwa Muhammad di tanganNya, sekiranya Fatimah Binti Muhammad mencuri nescaya aku akan potong tangannya.<sup>3</sup>*

Epistemologi **kebenaran** telah disebut oleh al-Quran sebanyak 287 kali dalam 263 ayat yang dalam bahasa Arabnya disebut '*Haqq*'.<sup>4</sup> Antara definisi bagi kalimah *al-Haqq* ialah ia memberi maksud benar, kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu dan milik atau kepunyaan.<sup>5</sup>

Berpandukan ayat 26 surah *Şad*, tatkala menetapkan dasar **kebenaran** dalam amanah kepimpinan manusia di muka bumi dan dalam memutuskan hukuman antara mereka sebenarnya wujud perkara lain yang lebih besar sebagaimana firman Allah:

وَمَا حَكَمْنَا السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا إِلَّا بِالْحَقِّ

Maksud:

*Tidak Kami jadikan langit dan bumi dan apa-apa antara keduanya melainkan dengan kebenaran.*

*Surah al-Hijr (15): 85*

<sup>3</sup> *Sahīḥ al-Bukhārī*, j. 15, h. 97. Bāb Man Syahida al-Fath, no. hadis 4204.

<sup>4</sup> Muhammad Fu'ad 'Abd al-Bāqī (1412H-1992M), *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm*, c. 3. (T.T.P): Dār al-Fikr al-'Arabi, h. 265-269. Bagi mendapatkan keterangan lanjut mengenai definisi *al-Haq* menurut al-Quran sila lihat Muhammad b. 'Abd al-Rahmān al-Rāwi (1409H), *Kalimat al-Haq fi al-Qur'ān al-Karīm Mawriduhā wa Dilālatuhā*, 2 j. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah, Wizārah al-Ta'līm al-'Alī: Jāmi'ah al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah

<sup>5</sup> Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed.) (2000), *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga), c. 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h. 428. al-Fayrūz Ābādī, Majid al-Dīn Muḥammad b. Ya'qūb (1991), *al-Qāmūs al-Muhiṭ*, j. 3. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, h. 323.

Firman Allah S.W.T;

وَمَا خَلَقْنَا السَّمَاءَ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا بَاطِلًا ذَلِكَ ظَنُّ الَّذِينَ كَفَرُوا  
فَوَيْلٌ لِلَّذِينَ كَفَرُوا مِنَ النَّارِ

Maksudnya:

Kami tidak menciptakan langit, bumi dan apa-apa antara keduanya secara batil (sia-sia). Itulah sangkaan orang-orang kafir, maka celakalah orang-orang kafir itu, iaitu api neraka.

*Surah Sad (38): 27*

Allah S.W.T telah memberitahu bahawa kejadian langit dan bumi ini adalah satu hakikat dan mempunyai tujuan-tujuan tertentu. Bukananya ia dijadikan secara batil dan sia-sia. Bertitik-tolak daripada kejadian yang amat besar serta menyeluruh ini merangkumi alam cakerawala, lautan, haiwan dan lain-lain dengan kebenaran maka bertaburan pula segala hak-hak yang diamanahkan dalam urusan kepimpinan manusia sama ada pentadbiran politik, kehakiman, ekonomi atau untuk membina jati diri insan yang berdiri teguh di atas prinsip kebenaran dalam perasaan serta tingkahlaku. Perkara sebegini tidak dapat dijangkau oleh orang-orang kafir kerana naluri mereka tidak berhubung terus dengan usul kebenaran iaitu asas penciptaan alam maya ini, ditambah pula dengan perasaan sangka buruk dengan Allah S.W.T maka pengetahuan mereka langsung terputus daripada menjelaki kebenaran hakiki.<sup>6</sup>

Syariat Allah S.W.T merupakan sebahagian daripada prinsip kebenaran dalam penciptaan alam buana. Prinsip adil pula yang amat dituntut daripada para khalifah dan para hakim merupakan sebahagian daripada prinsip hak yang bersifat universal. Keadilan hanya akan tercapai setelah berkenalan dengan kebenaran.

<sup>6</sup> Sayyid Qutb (1992), *Fi Zilal al-Qur'an*, j. 5. Kaherah: Där al-Syurtiq, h. 3019

Apabila pihak berkuasa menuruti hawa nafsu dalam mentadbir urusan sesama insan, maka akan wujud penyelewengan daripada jalan yang benar serta memberi impak yang amat besar kepada rakyat jelata. Rakyat akan hidup dalam kegelisahan dan tertekan. Apabila keamanan jiwa telah hilang di sesebuah negara maka negara akan mula menuju zaman kehancuran. Lihat sahaja bagaimana empayar Konstantinople menghadapi zaman kejatuhan di tangan Sultan Fateh di Istanbul,<sup>7</sup> kerajaan besar Maharaja Firaun yang tenggelam bersama tenggelamnya Firaun serta kuncukuncunya di tengah belahan air laut,<sup>8</sup> kerajaan Islam ‘Uthmāniyyah yang sujud penuh kehinaan di kaki Ataturk pada tahun 1924M dan lain-lain lagi.<sup>9</sup>

Sistem kehakiman memainkan peranan yang amat penting untuk merealisasikan kebenaran dan keadilan di kalangan ummah. Bagi memperolehi kebenaran, kita perlu mencapainya melalui proses-proses pembuktian sewajarnya. Keadaan ini menyebabkan *Turuq al-Ithbāt / Wasā'il al-Ithbāt* juga perlu melalui cara yang benar, teliti dan melalui prosedur-prosedur yang sistematik serta diyakini sebelum dapat diketahui sesuatu itu benar. Oleh kerana itu di dalam kehakiman Islam terdapat kaedah bahawa tersalah melepaskan seseorang yang bersalah adalah jauh lebih baik daripada tersalah hukum mereka yang tidak bersalah. Dalam hal ini, hanya Zat yang menciptakan langit dan bumi dengan benar dapat menyediakan kaedah pembuktian yang benar.

<sup>7</sup> Kerajaan Konstantinople jatuh di tangan Sultan Muhammad ke II (Sultan Fateh) pada 20 Jumadil Awwal 857H bersamaan 29 Mei 1453M. Sila lihat Muhammad Farid al-Mahāmi (Prof)(1414H-1993M), *Tārikh al-Dawlah al-'Aliyyah al-'Uthmāniyyah*, Beirut: Dar al-Nafā'is, h. 164

<sup>8</sup> Lihat Surah Yūnus (10): 90.

<sup>9</sup> Muhammad Farid al-Mahāmi (Prof)(1414H-1993M), *op.cit.*, h. 718

### 1.3. Prinsip Keadilan

Adil menurut Kamus Dewan<sup>10</sup> ialah tidak memihak ke mana-mana (apabila memutuskan sesuatu dan sebagainya) dan tidak melebihi atau kurang daripada sepatutnya (sewajarnya). Maksud adil secara ringkasnya ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya. Firman Allah S.W.T;

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ

Maksud:

Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil dan membuat kebajikan

*Surah al-Nahl (16): 90*

FirmanNya lagi;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُوْنُوا فَوَّا مِنْ بِالْقُسْطِ شَهِدَاءَ اللَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ  
أَوِ الْوَالِدِينَ وَالْأَقْرَبِينَ إِنْ يَكُنْ غَيْرَ أَوْ فَقِيرًا فَاللَّهُ أَوْلَى بِهِمَا

Maksudnya;

Hai orang-orang yang beriman, hendaklah tegakkan keadilan serta menjadi saksi kerana Allah walau ke atas dirimu sendiri atau ibubapamu dan kaum kerabatmu. Jika mereka (yang didakwa) itu kaya atau miskin, maka Allah lebih mengetahui keadaan keduanya.

*Surah al-Nisā' (4): 135*

FirmanNya lagi;

أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَأَتْقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

Berlaku adillah kerana adil itu lebih dekat kepada taqwa serta takutlah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan.

*Surah al-Mā' idah(5): 8*

<sup>10</sup> Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed.) (2000), *op.cit.*, h. 8

Berdasarkan makna-makna yang diberikan dapatlah kita membuat kesimpulan bahawa adil dalam memutuskan hukuman ialah tidak memihak kepada mereka yang mempunyai kepentingan seperti kaum keluarga, sahabat handai, pihak berkuasa dan lain-lain bahkan ia dibina di atas landasan kebenaran semata-mata.

## 2. Metodologi Pembuktian Dalam Undang-undang Keterangan Islam

### Pengenalan

Sebagaimana yang dijelaskan dalam konsep kebenaran dan keadilan sebelum ini, wasilah pembuktian hendaklah melalui cara yang benar menurut petunjuk Ilahi. Metodologi pembuktian yang dikemukakan oleh Undang-undang Keterangan Islam itu banyak namun tahap keyakinan yang dikehendaki adalah berbeza mengikut kaedah masing-masing. Oleh sebab itu hukuman juga berbeza menurut perbezaan tahap keyakinan itu tadi.<sup>11</sup> Sebagai pengenalan, terdapat 4 metodologi pembuktian yang masyur yang akan diberi takrifan secara ringkas di sini:

### 2.1. Ikhar<sup>12</sup>

---

<sup>11</sup> Tahap pengetahuan menurut *fiqh* Islam terbahagi kepada 4 jenis iaitu yakin, zan, syak dan waham. Sila lihat Mahmud Saedon A.Othman (Dr)(1990), *Undang-undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 16-19. Beliau telah merujuk kepada Subhi Mahmasani (1952), *Falsafah al-Tasyri' fi al-Islām*, Beirut: Dār al-Kasyaf, h. 224.

<sup>12</sup> Muhammad al-Syarbīnī al-Khaṭīb (t.t), *Mughnī al-Muhtāj ilā ma'rīfah ma'āni al-fāz al-Minhāj syarḥ 'alā matn Minhāj al-Tālibin li al-Imām Abī Zakariyyā bin Syaraf al-Nawawī*, (ta'liq oleh Jubli b. Ibrāhīm al-Syāfi'i), j. 2. (T.T.P): Dār al-Fikr, h. 243. Syams al-Dīn Abī 'Abd Allāh Muhammād b. Abī Bakr ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah (aw al-Firāsaḥ al-Mardīyyah fi Ahkām al-Siyāsah al-Syar'iyyah)*, (takhrīj ayat dan hadis oleh al-Saykh Zakariyyā 'Amirāt), Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 96. Bagi mendapat gambaran lebih jelas sila lihat 'Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *Niżām al-Qaḍā' Fi al-Syārī 'ah al-Islāmiyyah*, c. 3. Amman: Dār al-Basyir, h. 157.

Ikrar ialah pengakuan atau pengiktirafan khusus untuk mensabitkan hak diri sendiri dalam melakukan atau menanggung sesuatu seperti mengaku mencuri, atau mensabitkan hak atau kepentingan orang lain ke atas dirinya sendiri. Ia mengikat orang yang berikrar dalam perkara yang diakuinya itu. Apabila cukup syarat-syaratnya, ikrar biasanya boleh mencapai tahap yakin dan wajib dijatuhkan hukuman dengannya. Contoh seorang perempuan yang tidak pernah berkahwin mengaku telah berzina. Wajib bagi hakim menjatuhkan hukuman had 100 sebatan ke atas perempuan tadi kerana ikrarnya telah mengikat dirinya.

## 2.2. Kesaksian (*al-Syahādah*)<sup>13</sup>

Kesaksian ialah perkhabaran atau pemberitahuan yang bersifat benar bagi mensabitkan hak atau kepentingan orang lain (sama ada hak Allah atau hak selain daripadaNya) dengan menggunakan lafadz tertentu dalam prosiding kehakiman. Kesaksian juga apabila cukup syarat-syaratnya akan mencapai tahap yakin serta mengikat hakim untuk memutuskan hukuman dengannya. Contoh 2 orang saksi lelaki yang adil telah menyaksikan satu kes mencuri maka hakim wajib menjatuhkan hukuman had ke atas pencuri tadi. Huraian terperinci akan dibentangkan di dalam bab seterusnya.

## 2.3. Sumpah (*al-Yamīn*)<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Sila lihat perbahasan lanjut dalam Bab III Fasal I di muka surat 88 dan seterusnya.

<sup>14</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad b. Idrīs al-Syāfi‘ī (1993), *al-Umm*, (takhrij dan ta’liq hadis oleh Maḥmūd Matraji), j. 7. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, h.105-106. ‘Abd Allāh b. Maḥmūd b. Mawdūd al-Müsili al-Hanafi (t.t), *al-Ikhtiyār li Ta’līl al-Mukhtār*, (ta’liq oleh al-Saykh Maḥmūd Abū Daqiqah) j. 4. Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 45. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 56. Lihat juga ‘Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *op.cit.*, h. 201.

Sumpah ialah suatu perkataan yang disertakan nama Allah (atau sifat-sifatNya) bagi menguatkan atau menyatakan kesungguhan (membenarkan) terhadap sesuatu perkara yang tidak akan sabit tanpa bersumpah. Ini termasuklah perkara yang telah berlalu dan yang akan datang. Sumpah juga boleh mencapai tahap yakin terutama apabila ia dilakukan oleh orang yang didakwa sedangkan pendakwa gagal membawa keterangan-keterangan yang kukuh untuk mensabitkan dakwaannya.

Terdapat dua jenis sumpah khusus selain yang disebutkan di atas iaitu;

i) *Qasāmah*

*Qasāmah* ialah sumpah sebanyak 50 kali, yang dilakukan oleh pihak yang dituduh atau pihak yang menuduh untuk mensabitkan jenayah bunuh.<sup>15</sup>

ii) *Li'an*<sup>16</sup>

*Li'an* ialah kata-kata tertentu yang dimaklumi (iaitu sumpah), dijadikan hujjah bagi mereka yang terpaksa melakukannya kerana menuduh isterinya berzina atau menafikan anak. Proses sumpah *li'an* hendaklah dilakukan menurut Surah al-Nūr ayat 6 hingga ayat 9.

## 2.4. *Qarīnah*<sup>17</sup>

*Qarīnah* ialah sesuatu perkara yang menjadi dalil sama ada berbentuk perkataan, keadaan, perbuatan, kajian saintifik, teknologi moden dan seterusnya untuk menunjukkan adanya sesuatu nyataan.

<sup>15</sup> al-Imām al-Syāfi'i (1993), *op.cit.*, j. 6. h. 117. al-Muṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, j. 5. h. 54. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 54. Lihat juga 'Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *op.cit.*, h. 225.

<sup>16</sup> Lihat juga al-Muṣilī al-Hanafī (t.t), *op.cit.*, j. 3. h. 167.

<sup>17</sup> 'Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *op.cit.*, h. 219. Beliau turut menyenaraikan pengetahuan hakim sebagai salah satu kaedah pembuktian. Walaubagaimana pun kaedah ini terdapat khilaf di kalangan fuqahak sama ada boleh atau tidak boleh beraidal denganannya. Lihat *ibid.*, h. 209 - 208.

*Qarīnah* ada yang sampai ke tahap yakin dan ada yang lemah. Oleh itu hakim perlu meneliti tahap keyakinan yang dapat dicapai melalui sesuatu perkara dengan merujuk kepada pendapat pakar dalam bidang tersebut. Berdasarkan takrifan di atas dapatlah dikatakan bahawa metodologi pembuktian seperti *Qiyāfah*,<sup>18</sup> pendapat/keterangan pakar,<sup>19</sup> catatan (*al-Kibah*),<sup>20</sup> dan undian (*al-Qur'ah*)<sup>21</sup> adalah sebahagian *qarīnah*.

### **3. Metodologi *Fiqh* Dalam Undang-Undang Keterangan Islam**

#### **Pendahuluan**

Era alaf baru ini menyaksikan perubahan nilai kehidupan dan sosiobudaya yang amat pesat sekali. Begitu juga dengan perkembangan teknologi-teknologi canggih yang telah banyak memudahkan urusan kehidupan manusia. Seiring dengan perubahan tersebut, muncul pelbagai masalah cabang yang memerlukan fatwa-fatwa baru serta kaedah penyelesaian yang konkrit. Namun perubahan-perubahan tersebut tidak seharusnya dijadikan alasan untuk mengenepikan dasar-dasar perundangan Islam sebagai penyuluhan kehidupan insan kerana *Fiqh Islāmī* itu bersifat anjal (fleksibel atau *al-Murūnah*) iaitu boleh disesuaikan dengan semua iklim geografi yang ada di dunia ini. Kemodenan tidak dapat memodenkan Islam tapi Islamlah yang dapat mengIslamkan kemodenan.

---

<sup>18</sup> al-Syarbīnī al-Khatīb (t.t), *op.cit.*, j. 2. h. 422. ‘Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *op.cit.*, h. 227. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 54.

<sup>19</sup> Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 99.

<sup>20</sup> Sila lihat perbahasan dalam Bab III Fasal II di muka surat 261 - 267.

<sup>21</sup> al-Imām al-Syāfi‘ī (1993), *op.cit.*, j. 8. h. 7. Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah (1995), *op.cit.*, h. 54. ‘Abd al-Karīm al-Zaydān (Dr.) (1995), *op.cit.*, h. 233.

Sesungguhnya *Fiqh Islāmī* merupakan suatu ilmu yang sangat luas dan mendalam bagaikan lautan. Ia sentiasa berkembang sejak zaman berzaman mengikut perkembangan kehidupan insan. Oleh kerana itulah ia bersifat anjal supaya dapat disesuaikan dengan peningkatan tamadun manusia. Namun begitu, ia tetap mempunyai asas-asas yang sentiasa relevan dengan semua cuaca, bangsa, zaman dan budaya yang mana asas-asas tadi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan cabang-cabang ilmu *fiqh* yang lain. Sebagaimana fitrah manusia itu sendiri, sekalipun mereka telah mencapai kemajuan yang amat tinggi namun keperluan asas kepada makan dan minum tetap tidak berubah.

Secara ringkasnya metodologi *fiqh* yang akan dikemukakan di sini merupakan sebahagian daripada kaedah-kaedah *fiqh* (*al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*) yang ada dalam Undang-undang Keterangan Islam. Ianya telah disusun oleh para ulama dahulu dan sekarang berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah untuk memudahkan ummah merujuk kepada dasar perundangan Islam apabila timbul sebarang masalah.

#### **Kaedah 1:<sup>22</sup> Yakin<sup>23</sup> Tidak Dapat Dihilangkan Dengan Syak<sup>24</sup>**

<sup>22</sup> Abi al-Faḍl, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān al-Suyūṭī (1415H-1994M), *Al-Asybāh wa al-Naṣā'ir fi Qawā'id wa Furi' Fiqh al-Syāfi'iyyah*, (Tahqīq: Khālid ‘Abd al-Fattāḥ Syibl Abū Sulaymān), (T.T.P): Muassasah al-Kutub al-Thaqāfiyyah, h. 71. Fasal 4, *Al-Ahkām Al-'Adliyah: Undang-Undang Sivil Islam*, Md. Akhir Haji Yaacob (terj.)(1991), Kuala Lumpur: DBP. al-Sayykh Ahmad bin al-Sayykh Muhammad al-Zarqā (1993), *Syarḥ al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, (bi qalam Muṣṭafā Ahmad al-Zarqā – ibn al-mu'allif), c. 3. Dimasyq: Dār al-Qalam, h. 79.

<sup>23</sup> Yakin ialah suatu kepercayaan yang menepati kebenaran dan tiada keraguan lagi padanya. Biasanya keyakinan diperolehi secara penglihatan. Lihat Al-'Abd al-Khalīl Abū 'Id (Dr) (t.t), *Al-Qawā'id al-Fiqhiyyah*, Amman: Muassasah Anfāl, h. 41. al-Zarqā (1993), *op.cit.*

<sup>24</sup> Syak pula ialah sangkaan atau keadaan tidak pasti antara benar dan salah yang mempunyai persamaan tahap kemungkinannya. Lihat Mahmud Saedon A.Othman (Dr)(1990), *op.cit.*, h. 17.

*Maksud kaedah:*

Sesuatu perkara atau keadaan yang telah tetap diyakini tidak dapat dihapuskan dengan perasaan syak semata-mata kerana keadaan yakin tidak mungkin dapat dihilangkan oleh keadaan yang lebih lemah daripadanya. Bahkan ia hanya dapat dihilangkan oleh tahap keyakinan yang sama atau lebih kuat daripadanya. Imam al-Syāfi'i r.a pernah berkata “*Apa yang sabit dengan yakin tidak akan terangkat melainkan dengan yakin juga*”.<sup>25</sup>

*Contoh:*

A mensyaki B mencuri wangnya sedangkan A tidak melihat sendiri perbuatan B. Menurut kaedah di atas, yang diyakini asal B ialah tidak mencuri. Oleh itu B tidak didapati bersalah melainkan setelah dibuktikan kesalahannya. Tuduhan berdasarkan syak atau sangkaan semata-mata tidak dapat menghapuskan keyakinan asal iaitu B tidak melakukan kesalahan.

Kaedah ini boleh dijadikan asas dalam menentukan berat beban pembuktian yang diperlukan dalam sesuatu kes, di samping sebagai pembelaan kepada tertuduh.

---

<sup>25</sup> Abi al-Faḍl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 77.

## **Kaedah 2:<sup>26</sup> Asal Perkataan Ialah Pada Maknanya Yang Hakiki**

*Maksud kaedah:*

Asal pengertian bagi sesuatu perkataan itu ialah pada maknanya yang sebenar iaitu dalam menafsirkan perkataan orang yang bercakap seperti perkataan pesaka memberi maksud harta peninggalan orang yang telah meninggal dunia yang berhak diwarisi oleh pewarisnya. Antonim kepada makna hakiki ialah majazi (atau metafora) iaitu pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan berkenaan (sebagai perbandingan atau kiasan), dengan syarat antara makna sebenar dan makna majazi terdapat kaitan yang dapat memberikan maksud lain kepada makna hakiki seperti menggunakan perkataan *Nūr* (cahaya) bagi menggantikan nama Nabi S.A.W.

Apa yang dikehendaki oleh kaedah di atas ialah apabila bertembung dua makna pada sesuatu perkataan yang digunakan dalam proses kehakiman, maka makna hakiki hendaklah diguna pakai serta mengabaikan makna majazi kerana makna majazi pada asalnya terpesong daripada makna sebenar.

*Contoh:*

Setiap pembuktian sama ada dalam bentuk ikrar, kesaksian, sumpah dan sebagainya hendaklah menggunakan lafaz yang jelas dan tepat tanpa keraguan padanya.

Contoh lafaz ikrar: *Saya mengaku saya telah mencuri wang Ahmad.* Contoh lafaz kesaksian: *Saya bersaksi .....*.

---

<sup>26</sup> Abi al-Fadl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 86. Fasal 12, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 133.

## **Kaedah 3:<sup>27</sup> Tidak Dikira Dengan Petunjuk (*Dilālah*) Apabila Berhadapan Dengan Kenyataan**

*Maksud kaedah:*

Menurut kaedah ini petunjuk zahir bolehlah diibaratkan sebagai kehendak menggantikan perkataan yang nyata ketika tidak menggunakan sebarang lafaz. Apabila wujud perkataan nyata yang berlawanan dengan petunjuk zahir tadi maka ketika ini petunjuk zahir tidak lagi dapat dijadikan bukti sebarang kehendak kerana petunjuk zahir menduduki tahap syak semata-mata sedangkan lafaz yang nyata diyakini. Tiada perbezaan kenyataan berbentuk sebutan lisan atau tulisan.

*Contoh:*

A melawat sebuah kedai yang telah mempamerkan barangannya untuk dilihat oleh pelanggan. A mengambil satu barang dengan tujuan melihat lebih dekat sebelum membelinya. Kemudian barang itu terlepas dari tangannya secara tidak sengaja serta jatuh berkecaci. Menurut kaedah ini A tidak perlu bayar gantirugi kerana pameran barang untuk dilihat oleh pembeli menunjukkan keizinan daripada pemilik kedai tersebut. Namun sekiranya pemilik telah menegah A daripada menyentuh barang-barang yang dipamerkan sebelum A mengambilnya kemudian jatuh lalu pecah, maka di sini A perlu membayar gantirugi walaupun tidak sengaja kerana keizinan secara petunjuk telah gugur sebaik sahaja terdapat larangan secara nyata sama ada melalui lisan atau bertulis.

---

<sup>27</sup> Al-'Abd al-Khalīl Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 56. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 141. Fasal 13, *Al-Ahkām Al-'Adliyyah*

#### **Kaedah 4:<sup>28</sup> Tidak Diambil kira Dengan Waham**

*Maksud kaedah:*

Waham ialah sangkaan atau alasan yang samar-samar (ragu-ragu) dan ia jauh daripada tahap yakin. Ia lebih mirip kepada salah serta antonim bagi Zan. Menurut kaedah ini, waham tidak boleh dijadikan asas pensabitan hukum kerana hukum tidak dibina kecuali di atas keyakinan semata-mata.

*Contoh:*

Tidak boleh waham pada saksi-saksi yang adil (cukup syarat-syaratnya) bahawa mereka berbohong dalam kesaksian mereka bahkan hendaklah dijatuhkan hukuman berdasarkan kesaksian mereka semata-mata kerana tidak diambil kira perasaan ragu-ragu terhadap keperibadian mereka.

#### **Kaedah 5:<sup>29</sup> Tidak Dikira Sebagai Hujjah Apabila Timbul Sebarang Kemungkinan Pada Bukti-bukti.**

*Maksud kaedah:*

Apa yang dikira sebagai hujjah pada asalnya seperti ikrar, saksi dan sebagainya apabila datang kemungkinan yang boleh menghilangkan kepercayaan iaitu pada bukti-bukti tadi maka hukum tidak akan dikeluarkan dengannya. Perbezaan dengan **Kaedah 9** ialah waham semata-mata sangkaan yang tidak berasas dan jauh daripada tahap yakin.

<sup>28</sup> Al-‘Abd al-Khalīl Abū ‘Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 57. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 363.

<sup>29</sup> Al-‘Abd al-Khalīl Abū ‘Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 58. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 361.

*Contoh:*

Tidak diterima kesaksian antara suami isteri dan antara progeni<sup>30</sup> apabila terdapat tohmahan kesan daripada hubungan yang wujud antara mereka.

**Kaedah 6:<sup>31</sup> Tidak Dianggap Orang Yang Diam Itu Berkata-kata Tetapi Diam Tatkala Dikemukakan Keperluan Kepada Keterangan Dianggap Keterangan**

*Maksud kaedah:*

Orang yang diam itu tidak dianggap berkata (menyetujui) sesuatu tetapi diam ketika dia perlu menyatakan sesuatu iaitu tatkala diminta maka diamnya itu dianggap sebagai ikrar dan keterangan. Kaedah ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu;

**Bahagian 1:** Orang yang diam tidak dianggap berkata (menyetujui) sesuatu.

*Contoh :* A merosakkan harta B di hadapan matanya sendiri sedangkan B hanya mendiamkan diri. Diam B itu tidak dianggap sebagai keizinan untuk merosakkan hartanya.

**Bahagian 2:** Diam ketika dia perlu menyatakan sesuatu iaitu tatkala diminta maka diamnya itu dianggap sebagai ikrar dan keterangan.

*Contoh :* Diam seorang yang didakwa ketika diminta bersumpah oleh hakim menandakan dia enggan bersumpah. Oleh sebab itu, sumpah hendaklah dikembalikan kepada pendakwa.

---

<sup>30</sup> Iaitu antara *usul* dan *furu* serta sebaliknya. *Usul* ialah keturunan di sebelah atas seperti bapa, datuk, moyang dan seterusnya. *Furu* pula ialah keturunan sebelah bawah seperti anak, cucu, cicit dan seterusnya. Lihat Hajah Noresah bt. Baharom *et al.* (ed.) (2000), *op.cit.*, h. 1057.

<sup>31</sup> Al-'Abd al-Khalil Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 59. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 337.

## **Kaedah 7:<sup>32</sup> Mudarat Itu Dihapuskan**

*Maksud kaedah:*

Sifat memudaratkan orang lain itu wajib dijauhkan sama ada pada tubuh badannya, maruah dan hartanya kerana sifat memudaratkan itu zalim. Zalim diharamkan dalam semua agama di dunia ini.

*Contoh:*

Saksi palsu diharamkan kerana ia boleh menganiaya mereka yang tidak bersalah.

## **Kaedah 8:<sup>33</sup> Tidak Boleh Memudaratkan Dan Tidak Boleh Membalas Mudarat Dengan Mudarat**

*Maksud kaedah:*

Tidak boleh memulakan kejahatan kepada orang lain dan orang yang dianiaya tidak boleh membala dengan perkara yang sama mudarat bahkan ia hendaklah dikemukakan kepada pihak kehakiman untuk menyelesaikan perkara tersebut.

*Contoh:*

Hakim hendaklah mendenda pendakwa batil dengan tujuan mendidik. Sekurang-kurangnya dengan menjatuhkan hukuman penjara untuk menjauhkan ahli kebatilan daripada masyarakat serta menyekat keburukan mereka.

---

<sup>32</sup> Abi al-Fadl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 112. Fasal 20, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 179.

<sup>33</sup> *Ibid.*, h. 165. Al-'Abd al-Khalīl Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 63. Fasal 19, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*.

### **Kaedah 9:<sup>34</sup> Darurat Itu Mengharuskan Yang Dilarang.**

*Maksud kaedah:*

Darurat ialah keuzuran yang mengharuskan melakukan perkara yang dilarang. Apabila terdapat keadaan yang memaksa maka dibolehkan melakukan perkara haram dan dilarang atas sebab menjaga kemaslahatan diri daripada dibunuh, harta daripada dirampas atau menolak kejahatan yang diyakini akan menimpanya.

*Contoh:*

Saksi yang diugut akan dibunuh harus meninggalkan kesaksiannya.

### **Kaedah 10:<sup>35</sup> Darurat Dibatas Menurut Kadarnya**

*Maksud kaedah:*

Setiap perkara larangan yang dilakukan atas sebab-sebab darurat hendaklah dibuat sekadar yang perlu untuk menghilangkan darurat tadi dan tidak boleh mengambil secara berlebihan mengatasi kadar keperluan tadi.

*Contoh:*

Kesaksian non-muslim terhadap muslim hanya diterima dalam keadaan darurat sahaja seperti dalam musafir atau sebagainya iaitu semasa ketiadaan saksi muslim.

---

<sup>34</sup> Al-'Abd al-Khalil Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 65. Fasal 21, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 185.

<sup>35</sup> Al-'Abd al-Khalil Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 69. Fasal 22, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 187.

### **Kaedah 11:<sup>36</sup> Seseorang Itu Dipegang Dengan Pengakuannya.**

*Maksud kaedah:*

Iaitu daripada individu yang berakal, baligh, jujur dan tidak dipaksa untuk membuat ikrar. Ikrarnya harus diterima untuk menyabitkan hukuman yang selayaknya. Ia tidak membezakan jantina sama ada yang berikrar itu lelaki atau wanita selagi mencukupi syarat-syarat dan menepati konsep ikrar.

### **Kaedah 12:<sup>37</sup> Yang Diambil Kira Ialah Pada Perkara Yang Biasa Berlaku Bukannya Pada Perkara Yang Jarang Berlaku**

*Maksud kaedah:*

Hukum dibina di atas perkara yang biasa atau kebanyakannya berlaku kepada umum. Justeru perkara yang hanya berlaku kepada sesetengah individu tertentu atau pada sebahagian masa/waktu tidak memberi kesan kepada hukum tersebut.

*Contoh:*

Seseorang yang umurnya lebih 90 tahun telah hilang di laut bolehlah dihukumkan telah mati kerana kebiasaan hayat manusia sebagaimana yang berlaku hari ini tidak melebihi tempoh tersebut. Sedangkan yang hidup melebihi tempoh tersebut jarang berlaku maka tiada hukuman pada perkara yang jarang berlaku. Berdasarkan kaedah ini, waris boleh menuntut harta pesaka tanpa mengemukakan saksi.

---

<sup>36</sup> Fasal 79, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. Lihat juga Fasal 1573, 1575, 1586 dan 1587.

<sup>37</sup> al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 235. Fasal 42, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*.

### **Kaedah 13:<sup>38</sup> Tulisan Sama Seperti Perkataan (Percakapan)**

*Maksud kaedah:*

Tulisan atau dokumen boleh diterima sebagai keterangan sama seperti keterangan secara lisan. Kedudukan kedua-dua cara ini adalah sama kuat.

*Contoh:*

Kaedah ini boleh berlaku dalam kontrak bertulis seperti jual-beli, sewa, tender, hutang-piutang dan lain-lain.

### **Kaedah 14:<sup>39</sup> Isyarat-isyarat Orang Bisu Yang Difahami Sama Seperti Keterangan Lisan**

*Maksud kaedah:*

Iaitu Bahasa Isyarat yang biasa digunakan oleh orang bisu dan boleh difahami diterima sebagai keterangan sama seperti kata-kata orang yang boleh bercakap.

*Contoh:*

Bahasa Isyarat boleh diterima di mahkamah sebagai keterangan walaupun pada asalnya keterangan lisan menjadi syarat penerimaan. Biasanya ia menggunakan tangan serta memek muka.

---

<sup>38</sup> Al-'Abd al-Khalīl Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 90. Fasal 69, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 349.

<sup>39</sup> Al-'Abd al-Khalīl Abū 'Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 90. Fasal 70, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 351.

## **Kaedah 15:<sup>40</sup> Apabila Gugur Yang Asal Maka Gugurlah Yang Cabang**

*Maksud kaedah:*

Sesuatu yang wujud kerana wujudnya perkara lain (asal) maka akan gugur apabila gugurnya asal tadi seperti buah pada pokok. Buah itu ada kerana adanya pokok. Apabila pokok mati atau ditebang maka buah juga akan gugur.

*Contoh:*

Topik Kesaksian atas Kesaksian (mewakilkan kesaksian).

Menurut kaedah ini, sekiranya saksi asal terbatal syarat-syarat saksi seperti jatuh fasik dan sebagainya maka kesaksian yang telah dipindahkan kepada wakilnya turut terbatal. Oleh itu wakilnya tidak perlu lagi menyampaikan kesaksiannya.

## **Kaedah 16:<sup>41</sup> Keterangan Pada Pendakwa, Sumpah Pada Yang Ingkar**

*Maksud kaedah:*

Lafaz ini merupakan daripada maksud hadis Nabi S.A.W.<sup>42</sup> Beban membuktii ialah pada pendakwa oleh itu pendakwa hendaklah membawa bukti-bukti yang kukuh untuk menyokong dakwaannya. Apabila bukti-bukti tuntutan lemah dan tertolak maka orang yang didakwa hendaklah bersumpah bagi menolak tuduhan ke atasnya.

---

<sup>40</sup> Al-‘Abd al-Khalīl Abū ‘Id (Dr) (t.t), *op.cit.*, h. 92. Fasal 50, *Al-Aḥkām Al-‘Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 263.

<sup>41</sup> Abi al-Fadl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 622. Fasal 76, *Al-Aḥkām Al-‘Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 369.

<sup>42</sup> Telah dijelaskan secara ringkas di dalam Pendahuluan. Keterangan lanjut adalah dalam Bab Ketiga, Fasal Satu disertasi ini.

### **Kaedah 17:<sup>43</sup> Dipermudahkan Perkara Yang Amat Menyusahkan**

*Maksud kaedah:*

Apabila timbul kesukaran pada mukallaf atau hartanya untuk melakukan sesuatu tuntutan syariat maka syariat telah meringankan tuntutan tadi mengikut kemampuan mukallaf tersebut.

*Contoh:*

Kesaksian wanita dan kanak-kanak di tempat-tempat khusus mereka (iaitu yang tidak boleh dihadiri oleh kaum lelaki seperti bilik air dan sebagainya) adalah diterima untuk mengelakkan daripada hilangnya hak-hak.

### **Kaedah 18:<sup>44</sup> Apa Yang Tidak Dapat Disabitkan Melainkan Dengan Ikrar Maka Tidak Mungkin Mensabitkannya Dengan Keterangan**

*Maksud kaedah:*

Sesuatu nyataan yang tidak dapat tidak mesti dibuktikan dengan ikrar atau pengakuan maka tidak mungkin keterangan selain ikrar seperti saksi, sumpah dan sebagainya boleh mengambil tempat ikrar itu tadi untuk mensabitkan sesuatu kes hingga ke tahap yakin. Kaedah ini boleh digunakan untuk menetapkan hanya ikrar yang diterima sebagai hujjah dalam kes-kes tertentu.

---

<sup>43</sup> Abi al-Fadl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 102. Fasal 17, *Al-Aḥkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 157.

<sup>44</sup> Abi al-Fadl (1415H-1994M), *op.cit.*, h. 623.

*Contoh:*

Pembunuhan dengan cara sihir mesti dibuktikan dengan cara ikrar tukang sihir itu sendiri atau orang yang mengupahnya kerana kes sebegini tidak mungkin dapat dibuktikan dengan cara lain.

**Kaedah 19:<sup>45</sup> Tanda Zahir Bagi Sesuatu Yang Tersembunyi Boleh Mengambil Tempatnya**

*Maksud kaedah:*

Perkara-perkara yang tersembunyi yang agak sukar diketahui hakikatnya akan dirujuk kepada tanda-tanda zahir yang dapat dilihat untuk dihukumkan dengannya. Ia juga disebut ‘*Qarinah*’ di dalam Undang-undang Keterangan Islam.

*Contoh:*

Seorang gadis yang belum pernah berkahwin didapati telah mengandung. Maka menurut kaedah ini gadis tersebut telah berzina serta boleh dikenakan hukuman had kecuali gadis tersebut berjaya membawa bukti untuk membuktikan sebaliknya.

---

<sup>45</sup> Fasal 68, *Al-Ahkām Al-'Adliyyah*. al-Zarqā (1993), *op.cit.* h. 345. Mahmud Saedon A.Othman (Dr)(1990), *op.cit.*, h. 40.

## **Konklusi Umum**

Prinsip-prinsip umum Kehakiman Islam yang dikemukakan iaitu prinsip aqidah, kebenaran dan keadilan mendasari topik kesaksian wanita dalam Undang-undang Keterangan. Tanpa prinsip-prinsip tersebut, para pemikir akan menemui jalan buntu dalam menangani permasalahan khilaf dan spesifik seperti ini. Sementara itu, perbahasan asas menyentuh Metodologi Pembuktian dan Metodologi *Fiqh* dapat membuka minda kita bahawa syariat Islam tidak bersifat rigid dalam menentukan kaedah bagi membuktikan sesuatu kes.